



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 1, September 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
[www.msocsciences.com](http://www.msocsciences.com)

### Gerakan Koperasi di Sabah (1960an hingga 1980an): Peranan dan Cabaran

Mansur Tola<sup>1</sup>, Romzi Ationg<sup>1</sup>, Kassim Mansur<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Romzi Ationg ([mratiiong@ums.edu.my](mailto:mratiiong@ums.edu.my))

#### Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang sejarah gerakan koperasi di Sabah dengan melihat peranan, peluang dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh koperasi di negeri tersebut sejak awal penubuhan iaitu sekitar tahun 1960an hingga pertengahan tahun 1980an. Antara aspek-aspek yang dibincangkan dalam artikel ini ialah berkaitan dengan peranan koperasi dalam pembangunan sosio-ekonomi di negeri Sabah. Seperti gerakan koperasi di negeri lain, aspek kepimpinan sering menjadi halangan utama dalam mencapai matlamat organisasi. Banyak organisasi koperasi yang gulung tikar disebabkan kegagalan pihak pengurusan atasan (ahli lembaga/ pengurus) berfungsi dan memainkan peranan dalam mengurus organisasi sesuai dengan matlamat dan prinsip koperasi. Justeru, artikel ini menjelaskan bagaimana masalah kepimpinan ini perlu diutamakan dan diperbaiki agar pemimpin-pemimpin koperasi yang dilantik adalah mereka yang betul-betul layak dan berkaliber memimpin koperasi.

**Kata kunci:** gerakan koperasi, peranan koperasi, cabaran koperasi, pembangunan Sabah

### Cooperative Movement in Sabah (1960s-1980s): Roles and Challenges

#### Abstract

This article discusses the history of cooperative movement in Sabah which focusing on the role, opportunities and challenges faced by cooperatives in this state since the beginning of its establishment around in 1960s to the mid-1980s. Among the aspects discussed in this article are the role of cooperatives in socio-economic development in the state of Sabah. Like the cooperative movement in other states, the leadership aspect is often a major obstacle in achieving organizational goals. Many cooperative organizations were broke due to the failure of top management (board members / managers) to function and effective role in managing the organization as in accordance to the goals and principles of the cooperative. Thus, this article suggests that such leadership problems need to be prioritized and improved so that the cooperative leaders who appointed are those qualified and caliber to lead the cooperative

**Keywords:** cooperation movement, role of cooperation, challenges of cooperation, Sabah development

## Pengenalan

Borneo Utara yang dipanggil Sabah oleh orang Dusun merupakan sebuah wilayah yang terletak di bahagian utara pulau Borneo. Seluruh wilayahnya terletak dalam kawasan tropika dengan garisan lintangnya ialah dari 3° 42' U di puncak Sungai Padas ke 7° 2' U di semenanjung Kudat. Sabah dikelilingi oleh laut dari tiga arah. Di barat, pantainya dilanda oleh laut China Selatan yang luas; di Utara dan Timur Laut ialah Laut Sulu; dan di Timur ialah Laut Sulawesi (Lee, 1982:5). Sabah merupakan negeri yang bukan sahaja kaya dengan hasil bumi tetapi juga mempunyai pelbagai suku kaum yang menambahkan lagi keunikan negeri tersebut. Masyarakat aslinya terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 kumpulan yang menggunakan lebih daripada 50 bahasa dan tidak kurang daripada 80 dialek (Jabatan Muzium Sabah, 1992). Kumpulan etnik yang utama ialah Kadazan Dusun dengan saiz populasi sebanyak satu pertiga daripada jumlah penduduk Sabah (Romzi, 2017; Romzi & Jualang, 2018; Mohd. Sohaimi & Romzi, 2020).

Kumpulan penduduk asli yang lain termasuk Bajau, Bonggi, Iranun, Ida'an dan Brunei. Sebagai tambahan, kaum Cina merupakan kumpulan penduduk bukan asli yang terbesar. Dengan itu, Sabah adalah kaya dengan penduduk pelbagai kaum dengan latar belakang kebudayaan masing-masing (Jabatan Muzium Sabah, 1992). Dari sudut lain Sabah juga amat berpotensi berkembang sebagai sebuah negeri yang maju dalam sektor ekonomi dan mampu menyumbang pendapatan yang lebih kepada negara pada masa akan datang (Romzi et al., 2020; Kassim, Mansur & Romzi, 2009).

Oleh yang demikian, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memajukan wilayah ini dalam semua aspek terutamanya dalam bidang ekonomi. Antaranya melalui kaedah memperkenalkan konsep koperasi sebagai salah satu usaha merintis dan menggalakkan masyarakat wilayah ini tanpa mengira kaum dan agama untuk bersatu serta bekerjasama dalam bidang ekonomi.

## Gerakan Koperasi di Sabah

Gerakan Koperasi di Sabah bermula pada tahun 1959 setelah ordinan yang dikenali sebagai 'Cooperative Societies Ordinance No.3 of 1958' diperkenalkan dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 1959. Pada peringkat awal cawangan koperasi 'Cooperative Branch' diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Pertanian Negeri dan dipertanggungjawabkan untuk mendaftar, membangun, dan mengawal selia pergerakan koperasi di wilayah ini. Cawangan ini bermula dengan seorang Pendaftar Koperasi dengan dibantu oleh dua orang Pembantu Koperasi dan seorang Kerani Koperasi/Juruaudit. Sebanyak 14 buah koperasi didaftarkan di awal penubuhan jabatan ini dengan keanggotaan seramai 901 orang dan modal syer berjumlah RM23,743.00 (Laporan Tahunan JPK Sabah, 1988-2000).

Selepas Sabah merdeka dan seterusnya membentuk Persekutuan Malaysia bersama Tanah Melayu, Singapura (dikeluarkan dari Persekutuan Malaysia pada tahun 1965) dan Sarawak pada 19 September 1963, Jabatan ini telah diserapkan sebagai sebuah Jabatan Kerajaan persekutuan dan menjadi salah satu cawangan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK). Pada masa itu, ordinan yang sedia ada masih diguna pakai oleh JPK Sabah. Berikutan penguatkuasaan Akta Koperasi 1993 pada 22 Januari 1994, maka 'Cooperative Societies Ordinance No.3 of 1958' yang berkuat kuasa di Sabah telah dimansuhkan. Dengan penguatkuasaan Akta Koperasi 1993 juga maka jumlah koperasi di Sabah terus meningkat saban tahun dengan gerakan yang menumpukan kepada pelbagai bidang ekonomi.

Sehingga tahun 1977 terdapat sebanyak 251 buah koperasi mendaftar di negeri Sabah yang terdiri daripada 68 buah koperasi kemajuan tanah, 6 buah koperasi perusahaan batu bata, 10 buah koperasi serba guna pemasaran, 6 buah koperasi perusahaan kayu balak, 6 buah koperasi serba guna perikanan, 3 buah koperasi kenderaan, 2 buah koperasi ternakan, sebuah koperasi pembelian tanah, sebuah koperasi kontrak, 2 buah koperasi serba guna buruh, sebuah koperasi perumahan, 136 buah koperasi serba guna, 4 buah koperasi jimat cermat dan pinjaman, 4 buah persekutuan koperasi serba guna dan sebuah persekutuan koperasi perusahaan kayu balak. Bilangan keahlian koperasi-koperasi tersebut lebih kurang 41,000 orang dengan modal saham berjumlah RM 2.16 juta dan wang terkumpul dianggarkan RM 17.87 juta (Laporan Tahunan JPK Sabah, 1978).

Pada masa tersebut terdapat beberapa buah koperasi yang telah berkecimpung dalam sektor perladangan dengan pembukaan banyak tanah bagi tujuan tanaman kelapa sawit, kelapa, getah dan koko. Sebanyak 71 buah koperasi telah meneroka tanah seluas 87,000 ekar untuk tujuan tersebut. Daripada jumlah tanah itu, seluas 29,000 ekar telah digunakan untuk tujuan penanaman beberapa jenis tanaman yang dikenal pasti berpotensi memberi pulangan yang tinggi kepada negeri ini. Misalnya, 15,000 ekar tanah telah digunakan untuk menanam kelapa sawit, 7000 ekar tanah pula untuk tanaman kelapa, 6,000 ekar untuk tanaman getah dan 1,000 ekar untuk koko dan selebihnya diperuntukkan untuk menanam lebih banyak pokok buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya.

Pada tahun 1988 jumlah koperasi di negeri Sabah telah meningkat kepada 325 buah koperasi dengan pertambahan 10 buah koperasi baru. Jumlah ahli koperasi dianggarkan seramai 65,539 orang dengan modal terkumpul iaitu sebanyak RM 10.7 juta. Kemudian jumlah ini terus bertambah pada tahun 1989 apabila pertambahan sebanyak 9 buah lagi koperasi menjadikan jumlah keseluruhan koperasi iaitu berjumlah 334. Pada tahun tersebut seramai 72,554 orang telah mendaftar menjadi ahli koperasi dan modal keseluruhan koperasi dianggarkan sebanyak RM 10,739,187. Sebanyak 5 buah koperasi didaftarkan pada tahun 1990 menjadikan keseluruhan koperasi ketika itu sebanyak 339 dan 349 pada tahun 1991. Peningkatan yang agak sama berlaku bermula pada tahun 1991 hinggalah tahun 2000. Pada tahun 2000 jumlah koperasi yang mendaftar di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi ialah sebanyak 472.

Walau bagaimanapun, peningkatan yang ditunjukkan di atas bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan dalam pembangunan koperasi di Sabah. Ini disebabkan jumlah koperasi yang dibatalkan pada setiap tahun bermula pada tahun 1988 hingga 2000 juga amat tinggi. Pembatalan tersebut dilakukan semasa koperasi dalam proses didaftarkan ataupun selepas ia didaftarkan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi Sabah atas sebab-sebab tertentu. Sebagai contoh, pada tahun 1988 sahaja, jumlah koperasi yang didaftarkan sebanyak 10 buah koperasi. Namun pada tahun yang sama juga terdapat 3 buah koperasi dibatalkan. Begitu juga pada tahun 1989 apabila jumlah koperasi yang dibatalkan semenjak gerakan koperasi dilancarkan 1959 ialah sebanyak 164. Tambahan pula, saban tahun dianggarkan terdapat 3 hingga 5 buah koperasi dibatalkan oleh JPK Sabah kerana melanggar akta-akta dan peraturan-peraturan koperasi. Jumlah ini dianggap oleh kerajaan sebagai amat mengecewakan kerana banyak koperasi yang dibatalkan ini masih baru dan mempunyai potensi yang baik untuk bersaing dengan syarikat perniagaan lain di Sabah.

## **Koperasi Awal di Sabah**

Terdapat beberapa buah koperasi yang awal di Sabah. Dalam pada itu, bahagian ini membincangkan tentang koperasi awal terpilih di Sabah.

### ***Koperasi Pembangunan Desa***

Pada era pemerintahan Datuk Harris Mohd Salleh sebagai Ketua Menteri Sabah, beliau telah merangka pelbagai projek dan rancangan untuk pembangunan ekonomi rakyat Sabah (Romzi, 2017). Melalui pengenalan sebuah rancangan yang dikenali Rancangan Ekonomi Rakyat, beliau telah mengarahkan agar satu bentuk pembangunan setempat atau '*in-situ development*' diwujudkan dan dalam masa yang sama mengadakan rancangan penanaman dan perikanan. Harris juga yakin bahawa masih banyak tanah-tanah yang terbiar yang tidak dapat dikerjakan dan dengan adanya '*in-situ-development*' ini masyarakat desa dapat mengusahakan tanah-tanah ini dengan baik, berguna dan tidak terbiar (Jenar, 1981). Seterusnya, bagi memantapkan lagi pembangunan Sabah maka beliau telah memperkenalkan Koperasi Pembangunan Desa (KPD) pada tahun 1976. Penubuhan KPD ini juga adalah bersangkutan dengan projek-projek pembangunan yang lain sebagaimana yang tersenarai dalam Rancangan Ekonomi Rakyat. KPD adalah merupakan projek raksasa bagi kepentingan masyarakat luar bandar yang hidup mati mereka adalah untuk mencari rezeki di bidang pertanian (Jenar, 1981).

Salah satu daripada tujuan asas penubuhan KPD ini adalah untuk menggalakkan rakyat berusaha dengan gigih dalam bidang pembangunan pertanian di luar bandar dan dalam masa yang sama berusaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah. Usaha berterusan Datuk Harris dalam meningkatkan ekonomi penduduk Sabah terutamanya dalam bidang pertanian telah banyak menyumbang kepada peningkatan taraf hidup penduduk dengan harapan agar mereka dapat berdikari dengan tidak bergantung penuh kepada kerajaan. Oleh yang demikian, pengenalan KPD dianggap bertepatan pada waktunya untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu-padu bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam bidang sosial.

Tambahan pula, antara lain tujuan kerajaan memperkenalkan KPD ini ialah bagi menyekat daripada berlakunya perpindahan penduduk yang banyak daripada kawasan luar bandar ke kawasan bandar yang dikhuatiri akan meningkatkan masalah sosial dan pengangguran yang tinggi. Malahan, sebagai permulaan kerajaan telah mengeluarkan peruntukan wang berjumlah 24 juta ringgit bagi menjalankan rancangan-rancangan KPD dengan menekankan kepada pembangunan mentaliti masyarakat serta berusaha untuk memperkenalkan kaedah pertanian yang berteknologi moden sebagai usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil para petani di Sabah. Terdapat tiga peringkat pelaksanaan KPD. Pertama ialah peringkat pengeluaran; kedua pemprosesan dan ketiga ialah perlaksanaan. Pada peringkat pengeluaran, KPD akan membantu petani-petani dengan berbagai-bagai cara melalui skim pinjaman luar Bandar (Jenar, 1981). Proses ini akan memastikan bahawa perusahaan yang akan dijalankan oleh petani-petani itu benar-benar mendatangkan faedah kepada mereka. KPD juga akan membantu para petani menjalankan perusahaan mereka jika diperlukan oleh tuan-tuan tanah.

Semenjak tahun 1994 KPD telah membelanjakan sebanyak RM 17.6 juta untuk melaksanakan pelbagai program pembangunannya. Projek-projek KPD ini lebih tertumpu kepada pembangunan masyarakat desa. Antara Projek-projek KPD ialah pembinaan sistem bekalan air serta rumah kakitangan di Maligan, Sipitang dan Kemabong serta Tenom. Selain daripada itu, KPD juga terlibat dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah termasuk kerja-kerja infrastruktur yang berkaitan di Skim Penempatan semula Babagon. Projek ini menelan belanja sebanyak RM 17.2 juta. KPD juga terlibat dalam projek-projek pelancongan desa dan telah membina trail hut, jeti chalet dan skim trail di Batu Punggul, Pensiangan (Institut Kajian Pembangunan Sabah, 1998).

### ***Koperasi Kemajuan Perikanan & Nelayan Sabah (KONELAYAN)***

Sejajar dengan usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian dan hartanah sekitar tahun 1970-an, maka kerajaan telah mengemukakan rancangan untuk membantu para nelayan. Hasil daripada rancangan tersebut, maka lahirlah sebuah lagi koperasi yang dikenali sebagai Koperasi Kemajuan Perikanan & Nelayan Sabah atau KO-NELAYAN. Koperasi ini ditubuhkan pada akhir tahun 1979 sebagai sebuah koperasi (koperatif) dengan nama Koperasi Serba guna Nelayan Sabah Berhad (Ko-Nelayan) di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama Negeri Sabah.

Pada 20 April 1981 Koperasi Serbaguna Nelayan Sabah Berhad telah dibubarkan dan sebuah badan berkanun dengan nama Koperasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN) telah diwujudkan melalui Enakmen nombor 4 tahun 1981 oleh Dewan Undangan Negeri Sabah bagi mengambil alih fungsi-fungsi koperasi. Berdasarkan enakmen itu, KO-NELAYAN adalah sebuah agensi sosio-ekonomi kerajaan negeri yang memainkan peranan penting bagi memajukan masyarakat nelayan. KO-NELAYAN diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Pemakanan.

Selain itu, KO-NELAYAN juga berperanan untuk mengumpulkan semua nelayan di seluruh Sabah dalam usaha untuk mengenal pasti apakah masalah-masalah yang sering dihadapi oleh mereka seterusnya mencari langkah-langkah yang perlu untuk menangani masalah tersebut. Menurut Matiasin (1981), KO-NELAYAN berperanan dalam (i) menggalakkan dan mendedahkan nelayan dengan teknologi terkini penangkapan ikan; (ii) menyediakan peluang pasaran dan kemudahan simpanan ikan; (iii) mengawal harga ikan dan (iv) sebagai alat kerajaan menyalurkan subsidi kepada nelayan. Sehubungan dengan itu, kerajaan Sabah telah memperuntukkan sebanyak 50 juta ringgit untuk menjayakan rancangan ini.

Melalui sistem ini kerajaan menganugerahkan geran sebanyak 40 peratus manakala 60 peratus lagi berupa pinjaman untuk kaum nelayan memajukan lagi kegiatan-kegiatan mereka. Justeru, daripada peruntukan sebanyak 50 juta ringgit itu, 20 juta ringgit telah diguna pakai sebagai geran projek dan 30 juta lagi sebagai pinjaman. Dalam hal ini para nelayan yang menerima bantuan melalui sistem ini hanya perlu membayar pinjaman 60 peratus sahaja dan selebihnya pula merupakan subsidi kerajaan kepada perusahaan ekonomi mereka. Sistem ini dilihat banyak memberi manfaat kepada para nelayan terutamanya kepada mereka yang kurang berkemampuan untuk membeli peralatan-peralatan nelayan yang moden dan terkini.

### ***Koperasi Jelata Sabah (KOJASA)***

Bagi menstabilkan harga barang-barang keperluan harian di Sabah, pada akhir tahun 1970-an, kerajaan telah memperkenalkan satu lagi koperasi yang dikenali sebagai KOJASA yang berperanan membantu bumiputera berniaga dan juga berperanan untuk mengelakkan kenaikan harga barang-barang harian di pasaran. Memandangkan keadaan harga barangan di pasaran yang tidak menentu sambil didorong oleh peningkatan kadar inflasi yang tinggi hampir setiap tahun mendorong kerajaan negeri mengambil tindakan yang drastik bagi mengatasi masalah tersebut.

Langkah ini juga dikatakan wajar bagi mengelakkan daripada berlakunya kenaikan harga barang yang dilakukan sewenang-wenangnya oleh segelintir peniaga Cina atau '*taukeh-taukeh*' pada masa itu. Namun, KOJASA telah menerima beberapa kritikan oleh pihak-pihak tertentu yang melihat kononnya KOJASA akan melumpuhkan perniagaan masyarakat Cina yang telah diketahui mendominasi perniagaan, perkilangan dan bangunan (Jenar, 1981). Walau bagaimanapun, kritikan-kritikan tersebut bukanlah alasan utama untuk menyekat KOJASA daripada meneruskan kegiatan yang telah dirancang. Kerajaan merasakan perlu untuk membantu kaum bumiputera yang jauh ketinggalan dalam ketiga-tiga bidang ekonomi tersebut berbanding masyarakat Cina. Sehubungan dengan itu, bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang aman dan bersatu padu, maka toleransi dan kerjasama amat ditekankan dalam kehidupan bermasyarakat seperti di Malaysia yang terkenal dengan masyarakat majmuk.

### **Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Sabah Berhad (KOPEKS)**

KOPEKS ditubuhkan pada 11 Ogos 1963 dan didaftarkan dengan nama "Sabah Civil Service Thrift and Loan Cooperative Society" atau Koperasi Jimat-cermat dan Pinjam-meminjam Kakitangan Perkhidmatan Awam. Bagi mempelbagaikan aktiviti koperasi dan meningkatkan lagi hasil Koperasi, maka Undang-undang Kecil telah dipinda pada tahun 1977 dan telah ditukar kepada Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Sabah Berhad atau "Sabah Government Employees Cooperative Society Bhd".

Tujuan utama penubuhan koperasi ini ialah untuk menyediakan kemudahan berjimat-cermat dan pinjaman kepada ahli-ahlinya. Selain itu, KOPEKS juga berfungsi menerima caruman bulanan daripada anggota yang terdiri daripada kakitangan perkhidmatan awam dan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kepada ahli-ahlinya. Pada peringkat awal penubuhannya, koperasi ini menghadapi banyak masalah seperti kekurangan anggota untuk mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi. Kutipan hutang pula merupakan masalah utama apabila pinjaman dikeluarkan dan sukar dikutip. Selepas sebelas tahun ditubuhkan jumlah keanggotaan hanyalah 50 sahaja dan jumlah caruman dikumpulkan berjumlah RM9875 sahaja. Pihak Koperasi telah memohon kepada Bendahari Negeri untuk membantu pemotongan gaji anggota. Ia telah diluluskan pada tahun 1971 dan sejak dari itu masalah kutipan hutang telah berkurangan dan koperasi mula berkembang ke tahap yang membanggakan.

### **Peranan Koperasi di Sabah**

Gerakan koperasi di Sabah sememangnya telah memainkan peranannya yang tersendiri. Sehubungan itu, bagi memberi penjelasan khusus tentang peranan yang telah dimainkan oleh koperasi maka berikut disenaraikan seterusnya dibincangkan peranan yang dimaksudkan.



## ***Sebagai alat ekonomi***

Kelahiran koperasi dan perkembangannya dalam negara dan di seluruh dunia telah meletakkan koperasi sebagai organisasi yang penting dalam pembangunan ekonomi negara. Koperasi secara rasmi diterima sebagai sektor ketiga selepas sektor kerajaan dan sektor swasta. Sumbangan koperasi diambil kira dalam penyediaan belanjawan setiap negara pada setiap tahun (Pelancar, 2003: Jilid 30: Bil. 12). Koperasi boleh menjadi satu kaedah terbaik kepada perusahaan-perusahaan kecil terutamanya di kawasan kampung dan luar bandar untuk terus berkembang. Kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan koperasi di seluruh negara sebagai usaha untuk mewujudkan kerjasama di kalangan kaum sekali gus memberi sumber pendapatan tambahan kepada rakyat. Dalam rancangan Malaysia ketiga dikatakan bahawa gerakan koperasi boleh memainkan peranan yang penting dalam memobilisasi sumber modal dengan mengajak manusia bersatu mencapai objektif untuk meningkatkan sosio ekonomi mereka.

Dalam pada itu, di Sabah, gerakan koperasi telah dimulakan sejak penjajahan British sebagai salah satu alat pembangunan ekonomi. Dalam laporan (1970-1980) Jabatan Pembangunan Koperasi Sabah, menyatakan bahawa antara objektif utama jabatan tersebut ditubuhkan ialah untuk menggalakkan organisasi koperasi terlibat dalam sektor ekonomi yang mana hasil daripada penglibatan ini bukan sahaja menguntungkan ahli koperasi tetapi juga kepada masyarakat di negeri Sabah keseluruhannya. Peranan kerajaan memperkenalkan koperasi di Sabah sekitar tahun 1960-an adalah bertepatan pada masanya memandangkan kebanyakan penduduk Sabah ketika itu bergantung sepenuhnya kepada sektor pertanian seperti menanam padi, nelayan, pekebun kecil getah dan buruh yang berpendapatan rendah. Justeru beberapa buah koperasi ditubuhkan seperti Koperasi Pembangunan Desa, KO-NELAYAN, Koperasi Rakyat Sabah Berhad, Koperasi Serba guna Sanya Bhd dan banyak lagi.

Tujuan lain penubuhan koperasi di Sabah ialah sebagai usaha untuk mewujudkan persaingan dan mengurangkan kuasa monopoli syarikat swasta dalam sektor ekonomi di negeri tersebut. Antara usaha awal yang dilakukan oleh kerajaan negeri ialah dengan memperkenalkan polisi di mana kerajaan tempatan diarah agar tidak mengeluarkan lesen perdagangan kepada syarikat swasta sekiranya di kawasan tersebut telah wujud koperasi. Langkah tersebut bertujuan untuk melindungi organisasi kecil seperti koperasi agar lebih berdaya saing memandangkan kebanyakan koperasi mempunyai jumlah dana dan modal yang kecil berbanding syarikat swasta (Matiasin, 1981). Selain itu, kerajaan negeri juga menggalakkan jabatan-jabatan di negeri tersebut supaya membeli peralatan, perabot dan pelbagai keperluan pejabat daripada koperasi-koperasi yang membekalkan barangan tersebut sebelum beralih kepada syarikat lain.

## ***Sebagai alat pengagihan kekayaan***

Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia, terletak di utara pulau Borneo, pulau ketiga terbesar di dunia. Sabah meliputi kawasan seluas 72,500 kilometer persegi dengan pantai sepanjang 14,400 kilometer dengan Laut Cina Selatan terletak di pantai barat, Laut Sulu disebelah timur dan Laut Celebes di sebelah selatan (Jabatan Muzium Sabah, 1992). Sabah bukan sahaja kaya dengan warisan budaya penduduknya, malah kaya dengan sumber alam semula jadi (Romzi, 2017).

Salah satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri Sabah sekitar tahun 1970-an ialah mengagihkan dan membangunkan tanah yang sedia ada ketika itu untuk tujuan pembangunan negeri. Justeru, kerajaan telah memperkenalkan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (Sabah Land Development Board) dan Koperasi Pembangunan Desa Sabah (Sabah Rural Development Corporation). Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah berperanan menyediakan bantuan kewangan dan sumber-sumber asas kepada penduduk untuk membangunkan kawasan-kawasan terpilih untuk tujuan penanaman koko dan kelapa sawit. Setiap peneroka akan diberikan 15 ekar tanah dan segala perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan akan dibayar kembali oleh mereka yang terbabit dalam skim ini dengan bayaran bulanan selama 15 tahun (Matiasin, 1981).

Sementara itu, Koperasi Pembangunan Desa Sabah bertanggungjawab menyediakan bantuan kewangan dan sumber-sumber termasuklah mesin yang diperlukan untuk tujuan pembangunan tanah, manakala pemilik tanah akan menyediakan tenaga buruh untuk mengusahakan tanah-tanah terbabit. Mengulas mengenai koperasi pembelian tanah, Didby (1970), dalam tulisannya pada tahun 1970 menyatakan bahawa terdapat dua buah koperasi pembelian tanah yang berperanan mengagihkan tanah kepada ahli-ahli koperasi untuk tujuan pembangunan sama ada untuk tujuan perumahan ataupun perladangan. Terdapat koperasi yang menunjukkan prestasi yang bukan sahaja menguntungkan koperasi tetapi juga kepada ahli-ahlinya. Sebagai contoh, Koperasi Kemajuan Tanah United Bhd (the United Land Cooperative Ltd) pernah satu ketika memperoleh keuntungan dan tabungan yang tinggi daripada ahli-ahli koperasi sehingga mencecah RM1,628,542 pada tahun 1979.

Secara tidak langsung, penubuhan koperasi di Sabah sedikit sebanyak telah menyumbang kepada penurunan kadar kemiskinan apabila penduduk yang menjadi ahli koperasi menerima manfaat dan keuntungan hasil daripada pelaburan dan aktiviti-aktiviti koperasi. Dengan wujudnya pelbagai bentuk koperasi seperti koperasi pembangunan tanah, koperasi pembelian tanah, koperasi serbaguna, koperasi kenderaan, koperasi kredit dan sebagainya telah membantu masyarakat atau penduduk di Sabah untuk lebih berdikari dan berusaha mencapai kehidupan yang lebih baik. Apa yang penting ialah selain daripada berperanan sebagai alat pengagihan kekayaan, koperasi juga dapat dilihat sebagai saluran yang sesuai untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa, kaum dan etnik di negeri ini agar bersatu-padu dan saling tolong-menolong tanpa wujud rasa sentimen perkauman dan sebagainya. Sekaligus menyusun semula masyarakat dan mengurangkan pengenalan kaum kepada fungsi ekonomi dan menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru (Romzi, 2017).

### ***Memberi peluang pekerjaan kepada penduduk***

Pada tahun 1891, jumlah populasi di Sabah ialah seramai 67,062 orang (Malaysia, 2001). Seratus tahun selepas itu, didapati jumlah penduduk di Sabah ialah seramai 950, 556 orang (Malaysia, 2001). Ini menunjukkan bahawa peningkatan jumlah penduduk memerlukan jumlah peluang pekerjaan untuk menampung jumlah guna tenaga yang ada. Sehingga tahun 1977, terdapat 68 buah Koperasi Kemajuan Tanah di Sabah yang mengusahakan tanah pemberian kerajaan negeri seluas 77,958 ekar. Ahli koperasi berjumlah 6,300 orang dan bilangan rumah yang didirikan dalam rancangan ini ialah 638 buah. Keluasan tanah yang diusahakan dengan tanaman ialah 6,361 ekar terdiri daripada kelapa sawit 3,636 ekar, getah 1,477 ekar, kelapa 1,048 ekar dan koko 200 ekar (Laporan Tahunan JPK Sabah, 1978). Justeru, kegiatan-kegiatan Koperasi Kemajuan Tanah sedikit-sebanyak membantu penduduk Sabah ketika itu untuk meningkatkan taraf hidup dengan menawarkan peluang-peluang pekerjaan dan juga menambahkan sumber pendapatan ahli melalui pulangan dan keuntungan koperasi.

Beberapa koperasi seperti KOSAN, KOJASA, KO-NELAYAN telah memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Sabah. Sebagai contoh, KOSAN telah terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi seperti industri perkilangan, makanan dan kilang perabot. Begitu juga dengan KO-NELAYAN yang telah menceburi industri perikanan secara tidak langsung meningkatkan peluang pekerjaan di negeri tersebut. Peranan Koperasi Pembangunan Desa juga cukup besar dalam memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat di Sabah terutamanya masyarakat luar bandar dengan memberi bantuan kewangan dan sokongan teknikal kepada ahli koperasi.

Bahagian pengurusan koperasi juga memerlukan sejumlah kakitangan untuk menguruskan hal-hal dan aktiviti harian koperasi bermula daripada pengurus koperasi, kerani hinggalah kepada kakitangan sokongan. Oleh yang demikian, kehadiran koperasi di Sabah telah membantu kerajaan membangunkan ekonomi negeri dan juga memberi manfaat kepada anggota koperasi dengan memberi peluang kepada mereka menceburkan diri dalam aktiviti ekonomi. Keadaan ini sekaligus mengurangkan masalah pengangguran dan kemiskinan di kalangan penduduk terutamanya di kawasan luar bandar.

## ***Membentuk Masyarakat Bersatu-Padu dan Tolong-menolong***

Walaupun koperasi dilihat sebagai organisasi perniagaan, namun koperasi juga merupakan sebuah organisasi sosial yang mempunyai matlamat untuk menjaga kebajikan ahli-ahli koperasi. Oleh yang demikian, apabila membuat perbandingan di antara koperasi dan organisasi perniagaan didapati wujud perbezaan yang jelas di antara kedua-duanya. Dari segi prinsip, koperasi menunjukkan bahawa ia mempunyai ciri-ciri yang berlainan sekali dari firma perniagaan yang biasa. Misalnya pentadbiran dan pengurusan koperasi berasaskan demokrasi (setiap ahli satu undi), sedangkan firma perniagaan berpegang kepada jumlah saham yang dipegang oleh pemilik-pemilikinya. Koperasi mengutamakan perkhidmatan kepada ahli-ahlinya, sedangkan firma pula mementingkan keuntungan yang maksima untuk pemilik-pemilik sahamnya (Chik, 1990).

Asal-usul prinsip koperasi telah dikaitkan dengan “prinsip-prinsip operasi” untuk menjalankan perniagaan yang diperkenalkan oleh koperasi Rochdale di England pada sekitar tahun 1980-an. Koperasi Rochdale berjaya kerana prinsip yang unggul serta pentadbiran dan pengurusan yang sistematik. Penubuhannya yang disebabkan oleh pergolakan masyarakat ketika itu bersesuaian dengan keperluan ahlinya. Prinsip koperasi yang berasaskan prinsip asal Rochdale tahun 1944 adalah seperti Keahlian yang terbuka, pentadbiran secara demokratik, pembayaran faedah yang terhad atas modal yang terhad, berkecuali dalam hal politik dan agama, menggalakkan pendidikan koperasi, perniagaan secara tunai, hadiah atas langganan (rebat), menjual barangan yang bermutu, harga jualan mengikut harga pasaran (Asan Ali, 1998).

Dari semasa ke semasa prinsip-prinsip koperasi ini telah diubahsuai, diperbaiki dan diamalkan oleh gerakan koperasi di seluruh dunia. Contohnya dalam Kongres Koperasi Antarabangsa di Vienne pada tahun 1966, enam prinsip koperasi telah ditetapkan untuk kegunaan gerakan koperasi di semua negara (Idris Ismail, 2003). Enam prinsip yang dimaksudkan itu ialah keanggotaan terbuka dan secara sukarela, pengurusan secara demokratik, faedah atas modal saham adalah terhad, keuntungan koperasi diagih-agihkan secara adil, menggalakkan pendidikan koperasi dan keenam kerjasama antara koperasi-koperasi.

## **Cabaran Koperasi di Sabah**

Sungguhpun gerakan koperasi memainkan peranan penting dan memberi sumbangan besar kepada komuniti, namun pada masa yang sama gerakan koperasi di Sabah juga turut berhadapan dengan pelbagai cabaran. Bagi memahami cabaran tersebut maka bahagian ini membincangkan dengan lebih lanjut mengenai cabaran gerakan koperasi di Sabah.

### ***Kepimpinan***

Cabaran utama yang perlu ditekankan oleh setiap koperasi ialah untuk mencari jalan bagaimana untuk meningkatkan dan menambahbaikkan kepemimpinan koperasi. Aspek ini perlu diberi perhatian memandangkan masalah yang wujud di peringkat pimpinan koperasi merupakan faktor utama kepada kejatuhan sesebuah koperasi. Ini kerana pemimpin merupakan individu yang akan menentukan perancangan, dasar dan aktiviti sesebuah koperasi. Seperti syarikat swasta lain, koperasi juga harus dipimpin dan ditadbir dengan betul dan berteraskan prinsip-prinsip pengurusan sejagat. Sungguhpun terdapat koperasi yang dipimpin oleh individu yang berpengalaman, namun banyak juga koperasi yang dilanda berbagai-bagai masalah dalaman yang kebanyakannya berpunca daripada sifat kurang amanah, penyalahgunaan kuasa, pengurusan yang tidak cekap dan sikap negatif di kalangan ahli. Sebagaimana menurut Ahlaimuniandy (1989), jika sesebuah koperasi mempunyai seseorang pemimpin yang baik, ia tidak ubah seperti mempunyai kerja yang sudah pun siap separuh walaupun kerja itu masih belum dimulakan lagi. Cabaran yang dihadapi oleh pergerakan koperasi ialah untuk melahirkan pucuk pimpinan yang berkaliber dan mempamerkan moral yang tinggi serta berpandukan etika kepimpinan yang mulia.



Dalam pada itu, menurut Shahrir (1989), antara perkara yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pentadbiran dan pengurusan koperasi ialah kakitangan koperasi kurang kemahiran dan pengalaman, semangat dedikasi serta ahli lembaga yang kurang pengalaman dalam mentadbir koperasi. Gerakan koperasi di Sabah juga sering kali dihimpit masalah kepimpinan yang sebenarnya merupakan masalah besar dalam gerakan koperasi. Sekitar tahun 1970-an, kerajaan negeri telah menubuhkan banyak koperasi yang besar dengan sokongan kewangan yang banyak daripada kerajaan negeri. Namun, kebanyakan koperasi terbabit ditadbir dan diurus oleh individu yang terlibat dalam bidang politik dan kakitangan awam yang berjawatan tinggi dalam organisasi awam. Kesannya, terdapat segelintir ahli politik dan kakitangan awam tadi menggunakan kedudukan mereka di dalam koperasi untuk tujuan politik dan kepentingan peribadi. Dalam erti kata lain koperasi bukan lagi dijadikan wadah untuk saling bantu-membantu, sebaliknya dijadikan tempat untuk memperoleh pangkat dan kekayaan yang hanya menguntungkan segelintir individu (Ahli Lembaga Koperasi).

Dari satu segi, didapati penglibatan ahli politik dan kakitangan awam dalam kepimpinan koperasi dilihat kurang relevan memandangkan kekangan masa dan pengetahuan yang amat terbatas berkenaan koperasi. Ahli politik merupakan individu yang sibuk dengan kegiatan politik dan sentiasa dekat dengan masyarakat serta perlu mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat seterusnya berusaha untuk mengatasi masalah tersebut demi keterusan karier politik mereka. Begitu juga dengan kakitangan awam yang menjadi pemimpin koperasi sekitar tahun 1970-an dan 1980-an kebanyakannya berjawatan tinggi dalam sektor kerajaan sama ada di peringkat negeri atau persekutuan. Penglibatan mereka dalam kegiatan koperasi kurang memberangsangkan disebabkan beberapa faktor seperti kekangan masa, komitmen yang pelbagai dan kemahiran serta latihan yang kurang dalam mengurus koperasi.

### ***Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Koperasi***

Asas pengurusan merupakan perkara penting yang perlu diketahui oleh seseorang individu atau usahawan yang ingin memulakan perniagaan. Ia amat berguna dalam memastikan perniagaan diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan (Zahir & Fazilah, 2003; Romzi, 2001). Menurut Khaliq Ahmad (1994), antara perkara yang penting dalam aktiviti harian manusia ialah pengurusan. Pengurusan merupakan aktiviti di mana manusia akan menubuhkan kumpulan dalam usaha untuk mencapai pelbagai objektif kumpulan. Menurut beliau lagi, objektif-objektif tersebut adalah sukar dicapai sekiranya dilakukan secara individu.

Rais (1992), menyatakan bahawa strategi pelaksanaan yang jelas dan realistik bagi sesebuah organisasi akan memantapkan lagi perjalanan organisasi berkenaan. Strategi pelaksanaan merupakan cara atau kaedah bagi sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat dengan mengambil kira halangan dan peluang dalam persekitaran, sumber dan keupayaan sesebuah organisasi. Pembentukan sesuatu strategi akan mencerminkan arah tujuhnya sesebuah organisasi. Ia dirangka dengan tujuan mengadakan tindakan bagi mencapai objektifnya, disamping untuk memastikan kecukupan sumber untuk menyokong tindakan tersebut.

Dengan adanya pengurusan yang mantap di dalam sesebuah organisasi secara tidak langsung akan meningkatkan kecekapan organisasi tersebut. Bagi mengukuhkan lagi pentadbiran dan pengurusan sesebuah organisasi, beberapa perkara perlu diambil kira termasuklah memahami fungsi-fungsi pengurusan seperti perancangan, penyusunan kerja, arahan dan mewujudkan suasana kerja yang baik kepada ahli-ahli organisasi. Kejayaan sesebuah koperasi bergantung kepada cara ia ditadbir oleh Anggota Lembaga dan pihak pengurusan koperasi. Sebagai orang yang dilantik oleh anggota koperasi dalam mesyuarat agung tahunan, Anggota Lembaga diberi penuh kepercayaan dan tanggungjawab mentadbir koperasi mengikut lunas-lunas perundangan seperti akta, peraturan dan undang-undang kecil koperasi yang telah digubal. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, Anggota Lembaga perlu mengamalkan konsep menjaga kepentingan majoriti anggota dan bukan untuk sebilangan minoriti anggota yang kadang-kadang mempunyai agenda tersendiri (Pelancar, Mac 2004, Jilid 31, Bil.3).

Terdapat banyak kes berkaitan kelemahan pengurusan koperasi yang membawa kepada tindakan menggantung ahli atau Lembaga koperasi yang dilakukan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi. Isu

terkini berlaku di KOPEKS apabila koperasi yang ditubuhkan pada tahun 1977 itu telah mengalami krisis dalaman yang teruk sehingga memaksa Jabatan Pembangunan Koperasi Sabah mengambil tindakan menggantung dan akhirnya memecat beberapa Ahli Lembaga disebabkan salah pengurusan yang mengakibatkan kerugian kira-kira RM24 juta (Daily Espress, Ogos 2005). Justeru, langkah menerapkan tadbir urus baik dalam gerakan koperasi merupakan satu idea yang mampu memperbetulkan dan mendidik ahli serta pemimpin koperasi agar menjadi penggerak koperasi yang mantap dan berkesan.

### ***Menambah Modal koperasi***

Koperasi sebagai sebuah organisasi perniagaan memerlukan modal untuk menggerakkan segala aktiviti, malah koperasi tidak boleh wujud tanpa modal. Koperasi pengguna misalnya, memerlukan modal untuk membeli barangan, stok dan perkhidmatan yang diperlukan oleh para anggota. Begitu juga dengan koperasi jimat-cermat dan pinjam meminjam yang memerlukan modal untuk memberikan pinjaman kepada anggotanya (Idris, 2003).

Aspek kedua yang perlu ditekankan oleh koperasi ialah meningkatkan dana atau modal koperasi agar lebih berdaya saing. Ini kerana perancangan sesuatu aktiviti adalah diukur berdasarkan kemampuan kewangan sesebuah koperasi. Justeru, pihak koperasi perlu menarik lebih ramai ahli menyertai koperasi agar modal yang disumbangkan oleh ahli dapat disalurkan untuk aktiviti-aktiviti yang menguntungkan. Sebagai contoh, koperasi perumahan merupakan aktiviti yang memberi pulangan yang besar kepada sesebuah koperasi, namun hanya koperasi yang mempunyai modal besar sahaja boleh terlibat dalam sektor pembinaan. Kebanyakan koperasi perumahan di Sabah sekitar tahun 1970-an dan 1980-an tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi membiayai sesebuah projek. Justeru, koperasi terpaksa mendapatkan sumber luar dengan syarat-syarat yang ketat dan faedah yang tinggi.

Sebahagian besar koperasi-koperasi besar di Sabah terutamanya pada awal dan pertengahan tahun 1970-an adalah dibiayai atau ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri seperti Koperasi Pembangunan Desa, KO-NELAYAN, KOSAN dan KORAS. Pada tahun 1972, kerajaan telah menaja tiga koperasi nelayan. Walaupun kerajaan negeri sebagai penaja, namun pengurusan dan pentadbiran koperasi adalah dikendalikan oleh ahli-ahli koperasi terbabit. Kerajaan negeri telah membelanjakan berjuta-juta ringgit sebagai modal bagi koperasi-koperasi tersebut bergerak aktif dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang menguntungkan dan bermanfaat kepada ahli serta masyarakat Sabah secara keseluruhannya.

Namun, tidak semua benda yang kita harapkan menjadi kenyataan. Begitu juga halnya dalam gerakan koperasi di Sabah. Tidak semua bantuan dan sokongan yang diberikan oleh kerajaan dimanfaatkan sepenuhnya oleh gerakan koperasi di negeri tersebut, apabila banyak koperasi yang sebelum ini ditaja oleh kerajaan mengalami masalah sehingga ada yang gulung tikar. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada wujudnya masalah tersebut. Antaranya kurang kemahiran di kalangan kakitangan dan kelemahan diperingkat kepimpinan koperasi.

### ***Mengurangkan kebergantungan terhadap kerajaan***

Sikap terlalu bergantung kepada kerajaan adalah antara sebab-sebab kegagalan koperasi terutamanya koperasi yang ditaja oleh kerajaan seperti KPD, KO-NELAYAN dan beberapa buah koperasi lain seperti KOJASA. Kebanyakan koperasi ini hanya berkembang pada peringkat awal penubuhannya disebabkan oleh sokongan kerajaan terutamanya dalam membiayai projek-projek koperasi dan bantuan dalam bentuk pemberian geran. Koperasi pembangunan Desa suatu ketika dulu pernah menjadi sebuah koperasi yang telah membantu kerajaan negeri membuka lebih banyak tanah-tanah untuk diterokai dan diusahakan untuk tujuan pertanian. Ini dapat membantu masyarakat Sabah terutamanya golongan petani agar lebih berdikari dengan pengenalan teknik-teknik pertanian yang moden.

Namun, setelah beberapa tahun bergerak dan dianggap boleh berdikari, akhirnya koperasi menjadi lembap dan hanya tinggal nama sahaja disebabkan tiada bantuan berterusan daripada kerajaan dan juga faktor-faktor lain seperti masalah di peringkat kepimpinan dan pengurusan koperasi itu sendiri. Ini jelas

apabila Akpoghor (1993) menegaskan bahawa kepimpinan menjadi salah satu masalah utama gerakan koperasi. Malahan menurut beliau “*many co-operatives in developing nations seem to depend a great deal on government for their finances partly because of the involvement of government in various facets of economic development and partly due to lack of the will rather than the ability to buy co-operative shares*” (Akpoghor, 1993) .

Oleh yang demikian, koperasi di Malaysia umumnya dan di Sabah khususnya perlu mengikis sikap terlalu berharap kepada kerajaan untuk menyalurkan dana dan modal. Koperasi perlu kompetitif dan berdaya maju serta terlibat dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang menguntungkan melalui perancangan yang teliti dan rapi.

## Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa gerakan koperasi telah banyak manfaat dan memainkan peranan yang besar dalam pembangunan sosio-ekonomi di Sabah. Koperasi telah membantu masyarakat di Sabah terutamanya kaum bumiputera untuk lebih berdaya saing dalam bidang ekonomi melalui aktiviti-aktiviti yang bersifat komersil dan memberi pulangan yang besar. Koperasi juga telah menyumbang kepada peningkatan semangat kerjasama dan bantu-membantu di kalangan ahli yang mempunyai latar belakang yang pelbagai.

Namun, prestasi sebahagian besar koperasi sering kali mengalami penurunan terutamanya pada sekitar akhir tahun 1980an disebabkan oleh beberapa faktor seperti masalah pengurusan, kurangnya kecekapan mentadbir di kalangan pemimpin, kebergantungan yang tinggi kepada projek dan bantuan kerajaan negeri serta kurang rasa tanggungjawab terhadap koperasi. Elemen-elemen di atas merupakan perkara yang perlu diambil berat oleh semua pihak sama ada pengurusan koperasi, ahli koperasi, pihak kerajaan dan masyarakat umumnya agar sentiasa mengambil inisiatif ke arah memastikan bahawa koperasi akan terus relevan sebagai salah satu aktiviti yang bukan sahaja membantu menjana ekonomi negara tetapi juga memberi keuntungan dan manfaat kepada masyarakat di Malaysia umumnya dan di Sabah khususnya.

## Rujukan

- Ahlaimuniandy, S. (1989). *Cabaran dan masalah yang dihadapi oleh koperasi. Seminar Mengenai Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh koperasi Masa Kini*. Maktab Kerjasama dan Kesatuan Koperasi Malaysia Berhad, 22-24 Mei.
- Akpoghor, P.S. (1993). *Selected essays on co-operatives theory and practice*. Jerman: Marburg Consult.
- ANGKASA (2003), *Jati diri dan kefahaman koperasi. Kursus Wajib ANKASA Siri 1/1*. Bahagian Pendidikan, Penerangan, Penerbitan dan Perkhidmatan (B4P) ANKASA.
- ANGKASA, Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Peraturan-peraturan & co-operative Societies Act 1993 (Act 502) and Regulations. International Law Book Services.
- ANGKASA (2003). Undang-undang kecil: contoh koperasi dewasa. Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi anjuran ANKASA.
- ANGKASA (2003). Undang-undang dan peraturan koperasi. Kursus Wajib ANKASA Siri 1/4, Bahagian Pendidikan, Penerangan, Penerbitan dan Perkhidmatan (B4P) ANKASA.
- Asan, Ali (1998). *Gerakan koperasi di Malaysia: Peranan dan strategi dalam pembangunan negara*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Chik, W.M. (1990). *Bagaimana mengendalikan koperasi*. Selangor: Marwill's Publisher & Distributors Sdn Bhd.
- Daily Express (Ogos 2005).
- Digby, M. (1970). *Agricultural cooperation in the Commonwealth*. Oxford: Basil Blackwell.
- Idris Ismail (2003). *Pengenalan koperasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jabatan Muzium Sabah (1992). *Warisan Sabah*. Kota Kinabalu: Muzium sabah.

- Jenar Lamdah (1981). *Datuk Harris Mohd Salleh dengan politik Sabah*. Ipoh: Chee Leong Press.
- Kassim, M. Mansur, T. & Romzi, A. (2009). Contract farming system: A tool to transforming rural society in Sabah. *Munich Personal RePEc Archive*. Paper No. 13271.
- Khaliq Ahmad (1994). *Effective business management*. Kuala Lumpur: Leeds Publications.
- Laporan Jabatan Pembangunan Koperasi, Sabah's decade progress 1970-1980. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Laporan Jabatan Pembangunan Koperasi bagi tempoh tahun 1988 hingga 2000. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Lee Yong Leng (1982). *Sabah: Satu kajian geografi petempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mahmud Yusof (1989). *Peranan koperasi dalam pembangunan negara*. Seminar Ke Arah Pembangunan Koperasi: Satu Pendekatan Semula". Kuala Lumpur
- Majalah Pelancar (Disember 2003), Jilid 30, Bil. 12
- Majalah Pelancar (Mac 2004). Jilid 31, Bil. 3
- Malaysia (2001). *Eight Malaysia Plan, 2001-2005*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Malhi, R.S. (2000). *The making of Sabah 1865-1941: The dynamics of indigenous society*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Matiasin Surai (1981). *Cooperatives and development in the Malaysian state of Sabah: A socio-political analysis*. Development Administration Group, Institute of Local Government Studies, Faculty of Commerce and Social Science, University of Birmingham.
- Mohd. Sohaimi, E. & Romzi, A. (2020). Menyingkap Peristiwa Penyingkiran Singapura dari Malaysia (1963-1965). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 217-229.
- Rais, K. (1992). *Saranan pembentukan strategi pelaksanaan dalam khidmat*. Bilangan 1. (13 – 16).
- Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). *Salinan kerajaan*. Kuala Lumpur, P.171).
- Robbins, S.P. & Coulter, M. (1999). *Management (6th Ed)*. New Jersey: Prentice Hall.
- Robbins, S.P. & Coulter, M. (1998). *Pencapaian pembangunan Sabah menjelang abad Ke-21*. Kota Kinabalu: Institut Kajian Pembangunan Sabah.
- Romzi, A., Rose, P.T., Madiyem, L. Andreas, T. & Alvie, L.S.V. (2020). A Historical Overview of Poverty Eradication Through Agricultural in Sabah, Malaysia. *Systematic Reviews in Pharmacy*, 11(12), 1032-1038.
- Romzi, A. (2001). Keberkesanan kepimpinan tempatan dalam aktiviti pembangunan desa di Daerah Kudat, Sabah. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Romzi, A. (2017). Federal Political Elites and the Expansion of Ethnic Politics to the Periphery State of Sabah in Malaysia. The Australian National University, Australia.
- Romzi, A. Jualang, A.G. & Andreas, T. (2018). Ethnohistorical Analysis on the Resurgence of Multiracial Political Ideology through 'Sabah for Sabahan'Slogan in Sabah, Malaysia. ASEAN/Asian Academic Society International Conference Proceeding Series. pp. 186-194.
- Romzi, A., Ahmad Tarmizi, A.R., Mansur, T., Anna, L.A.B., Budi, A.M.T. & Nordin, M. (2011). Loyalty (The National Principles): Strengthening Eco-Tourism Industry in Sabah, Malaysia. *Journal of Sustainable Development*, 4(2), 184.
- Safinah Saupi (2003). Kaedah urustadbir yang baik. Kursus Wajib ANGKASA Siri 1/3: Bahagian Pendidikan, Penerangan, Penerbitan dan Perkhidmatan (B4P) ANGKASA.
- Shahrir Shahodin (1989). Strategi bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh koperasi-koperasi, Seminar Mengenai Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh koperasi Masa Kini: Maktab Kerjasama dan Kesatuan Koperasi Malaysia Berhad, 22-24 Mei.
- Undang-Undang Kecil Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Sabah Berhad (KOPEKS).
- William, R.R. (1984). *Kerjasama dan koperasi di Semenanjung 1910-1941*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun (2003). *Asas pengurusan perniagaan*. Selangor: Leeds Publications.